



## BEBERAPA ASPEK KEUNIKAN DAN KEISTIMEWAAN BAHASA ARAB SEBAGAI BAHASA AL-QURAN

AZHAR BIN MUHAMMAD\*

**Abstrak.** Bahasa Arab telah dipilih sebagai bahasa pengantaraan wahyu yang ditujukan kepada seluruh penutur bahasa di dunia. Penelitian yang mendalam terhadap bahasa ini memperlihatkan rahsia pemilihannya sebagai bahasa al-Quran. Kajian-kajian yang dibuat oleh para sarjana bahasa dari pelbagai aspek terutama ilmu linguistik telah dapat membuktikan keunikan dan keistimewaan bahasa ini yang tidak terdapat pada bahasa-bahasa lain. Artikel ini membincangkan beberapa aspek dari sudut penggunaan kosa kata, kaedah sintaksis dan morfologi dalam bahasa ini. Peranananya terhadap penentuan hukum-hukum syariat dalam Islam juga memperlihatkan keunggulan dan kerasionalan bahasa ini dinobatkan sebagai bahasa wahyu.

*Kata kunci:* Keunikan, keistimewaan, bahasa wahyu, dialek, perkataan, kosa kata, struktur frasa, sintaksis, morfologi, partikel

**Abstract.** Arabic has been chosen as a medium of the revealed language for every language speakers in the world. It has been chosen to prove the secret of the Quranic language. A lot of research has been done by the researchers that study the language from various perspectives. It is evidence this language is unique and special from other languages. This article will explore several perspectives on Arabic language such as the usage of vocabulary, syntax and morphology. The role is to determine and resolve the Islamic law in order to elucidate this language as a revealed language.

*Keywords:* Unique, special, revealed language, dialect, word, vocabulary, phrase structure, syntax, morphology, particle

### 1.0 PENDAHULUAN

Pengkaji bahasa telah menjalankan beberapa kajian tentang bahasa-bahasa yang digunakan oleh manusia di dunia. Mereka telah menghadapi pelbagai kerumitan dalam kajian tersebut memandangkan terlalu banyak bahasa yang digunakan oleh umat manusia. Para sarjana linguistik menganggarkan terdapat lebih daripada 5000 bahasa yang wujud di dunia ini, tidak termasuk dialek yang jauh lebih banyak berbanding dengan bahasa induk. Tiada satu perangkaan yang tepat dapat dikemukakan oleh para sarjana mengenai jumlah bahasa yang digunakan oleh seluruh umat manusia.<sup>1</sup>

---

\* Pusat Pengajaran Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor.



Para sarjana bahasa dan linguistik telah membuat pembahagian bahasa pertuturan manusia kepada kepelbagaiannya asas. Ada yang membahagikan bahasa berteraskan kepada sistem morfologi. Asas ini membahagikan bahasa manusia berdasarkan kepada perubahan makna hasil daripada berlaku perubahan struktur dan binaan huruf dalam sesuatu perkataan.<sup>2</sup> Ada juga para sarjana yang membahagikannya berasaskan kepada perubahan dan perkembangan sesuatu bahasa. Teori ini membahagikan bahasa manusia kepada beberapa kumpulan yang menghimpunkan komuniti tertentu berdasarkan kepada hubungan kerabat dan penempatan geografi. Berasaskan kepada teori ini, bahasa manusia dibahagikan kepada kumpulan bahasa Indo-Eropah, bahasa Semitiq-Chamito dan bahasa Touranien (Asia-Eropah). Bagi lebih memudahkan perbincangan khusus yang berkaitan dengan bahasa Arab, artikel ini akan memfokuskan kepada pembahagian yang mengklasifikasikan bahasa di dunia ini kepada tiga kumpulan utama iaitu:<sup>4</sup>

- (1) Kumpulan bahasa Aramit (Arian)
- (2) Kumpulan bahasa Hamit (Chamito)
- (3) Kumpulan bahasa Samit (Semitiq)

Kumpulan bahasa Aramit ialah kumpulan bahasa yang dikembalikan asalnya kepada keturunan Yafith bin Nuh yang mendiami kawasan tanah Babylon dan Armenia. Mereka telah melakukan penghijrahan ke tempat-tempat lain seperti India hingga dapat membentuk satu bahasa yang dikenal dengan nama Sanskrit Kuno. Penghijrahan oleh penutur-penutur bahasa ini juga telah sampai ke Bukhara, Afghanistan, Parsi dan Eropah. Berasaskan kepada penempatan, kumpulan ini telah terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu di bahagian utara yang dikuasai oleh bahasa-bahasa Eropah dan bahagian selatan yang terkenal dengan bahasa-bahasa Parsi, Kurdish, Hindi, Afghan dan Bukhara.

Kumpulan bahasa Hamit dirujuk kepada keturunan Ham bin Nuh. Antara bahasanya ialah Habsyah Kuno, Mesir Kuno dan beberapa dialek lama di daerah pedalaman Sudan. Kumpulan bahasa Samit pula disandarkan kepada keturunan Sam bin Nuh yang mendiami kawasan barat Asia dan sebahagian dari Afrika. Antara bahasa-bahasa ini ialah bahasa Arab, Ibri, Habsyah, Himyar dan Saba'. Sebahagian besar daripada bahasa ini telah pupus dan yang masih tinggal ialah bahasa Arab, Ibri dan Habsyah. Para pengkaji berpendapat bahawa tempat asal kumpulan penutur Samit ini ialah di bahagian barat daya Semenanjung Tanah Arab iaitu di Yaman.<sup>5</sup>

## 2.0 ASAL USUL BAHASA ARAB

Bahasa Arab adalah salah satu bahasa Samit yang mempunyai hubungan yang rapat dengan asal usul kumpulan penutur Samit Kuno. Fakta ini dapat diperhatikan melalui penggunaan perkataan serta kaedah yang dapat dirujuk kepada asal bahasa Samit hasil daripada kajian dan penemuan batu-batu bersurat, ukiran-ukiran lama di kubur-



kubur, batu, patung dan lain-lain. Berdasarkan penemuan-penemuan sejarah ini, penutur-penutur Arab boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu Arab Baidah dan Arab Baqiyah.

Arab Baidah ialah kumpulan penutur Arab yang hanya dapat diketahui dan dikesan melalui penemuan-penemuan ukiran yang ditemui di kawasan utara Hijaz. Terdapat beberapa dialek yang hanya dapat dikenal pasti melalui cerita daripada kitab-kitab lama seperti dialek Thamud dan Lahyan. Arab Baqiyah pula merupakan penutur Arab yang diwarisi melalui kaum Qahtan dan Adnan yang mana sejarahnya dapat disusurgalur hingga kini. Tempat asal penutur Arab Baqiyah dikenal pasti di Najd, Hijaz dan Tihamah.

Arab Qahtan dinasabkan kepada Qahtan dan anak-anaknya Yu'rab dan Jurhum. Daripada Yu'rab diwarisi oleh Yusyjab dan anaknya Abdul Syams hingga muncul kaum-kaum yang masyhur selepas itu seperti Kahlan, Hamir, Ta'i, Azdi sampai kepada Aus dan Khazraj yang merupakan kaum terbesar di Madinah semasa penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. Arab Adnan adalah keturunan Nabi Ismail a.s. yang berhijrah ke Mekah bersama-sama ibunya Hajar. Kaum Adnan telah melahirkan pelbagai kaum yang masyhur seperti 'Aka yang masih wujud hingga ke saat kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. dan Ma'ad yang melahirkan kaum-kaum seperti Nizar, Rabiah dan Mudhar yang merupakan tonggak kepada kemunculan kaum Quraisy. Arab Adnan dengan kepelbagaian kabilah ini telah mewujudkan berbagai-bagai dialek yang mana akhirnya dialek Quraisy telah berjaya mendapat tempat yang kukuh dan selesa.<sup>6</sup>

Berdasarkan kepada faktor-faktor keagamaan, politik, perniagaan dan bahasa, dialek Quraisy telah dapat mempengaruhi dialek-dialek lain hingga dapat memperkaya kosa kata dan gaya bahasanya sebagai satu dialek yang berpengaruh. Apabila Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan sebagai rasul, Allah S.W.T. telah menurunkan al-Quran dengan menggunakan dialek Quraisy kerana dialek ini merupakan bahasa pertuturan dan penulisan yang menjadi tumpuan di kalangan orang-orang Arab. Kekuatan bahasa ini disokong dengan penambahan perkataan-perkataan yang digunakan oleh Islam sendiri terutama yang memberi makna kepada urusan syarak. Dengan penurunan al-Quran, bahasa Quraisy telah mendapat tempat yang amat selesa sebagai bahasa yang menjadi tumpuan bukan sahaja daripada golongan Arab bahkan dari seluruh umat Islam.

### 3.0 KAITAN BAHASA ARAB DENGAN AL-QURAN

Hakikat yang tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang dipilih oleh Allah S.W.T. sebagai bahasa al-Quran. Disebabkan sumber utama Islam tertulis dalam bahasa Arab, maka wajarlah bahasa ini dijamin terpelihara ketuhaninya hingga ke akhir zaman. Allah S.W.T. berfirman:<sup>7</sup>



إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّعَلَّكُمْ تَقْتَلُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang unggul sebelum kedatangan Islam lagi, tetapi al-Quran telah memberikan nafas baru dan sumbangan yang besar terhadap perkembangannya. Al-Quran telah dapat memanjangkan lagi hayat bahasa ini, menyatukan kepelbagaian dialeknya dan menjadikannya sebagai bahasa intelektual dan ketamadunan.<sup>8</sup> Apa yang lebih penting, al-Quran telah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa yang kaya dengan kosa kata, bahasa yang utuh dengan tata bahasa dan gaya bahasanya hingga dapat mengatasi bahasa-bahasa lain.

## 4.0 KEUNIKAN DAN KEISTIMEWAAN BAHASA ARAB

Bahasa Arab adalah bahasa yang masyhur dengan keunikannya, ungkapan ayat yang mudah difahami dan mempunyai kaedah yang tepat dalam sebarang permasalahan bahasa. Sistem fonologi, sintaksis, morfologi dan lain-lain yang berkaitan dengan sistem bahasa dalam bahasa Arab mempunyai keistimewaan yang tidak terdapat dalam bahasa-bahasa lain. Antara keistimewaan tersebut ialah:

### 4.1 Bahasa Arab Adalah Bahasa yang Kaya Dengan Kosa Kata

Kosa kata dalam bahasa Arab merangkumi semua bidang dan lapangan. Ia dapat diperhatikan berdasarkan kepada perkataan-perkataan yang disenaraikan dalam kamus-kamus Arab. Dalam bahasa Arab, pembentukan satu perkataan sahaja boleh menunjukkan kepada beberapa makna. Contohnya perkataan ‘ain yang memberi makna kepada mata penglihatan, mata air, sebuah negeri, sebuah tempat, ketua kaum, ketua tentera, bermakna diri, bayaran sekali gus secara tunai, sejenis mata wang, pengintip dan huruf ‘ain.<sup>9</sup> Bahkan terdapat perkataan-perkataan yang digunakan lebih daripada satu atau dua perkataan untuk menggambarkan kepada satu makna atau makna yang hampir. Istilah-istilah yang merujuk kepada makna unta, kuda, kurma, pedang, kambing, biri-biri, kibas dan lain-lain diungkapkan dengan beberapa perkataan yang memberi makna hampir sama.<sup>10</sup> Contohnya, perkataan-perkataan yang hanya menunjukkan kepada makna kepelbagaian kategori kuda diungkapkan dengan beberapa perkataan seperti berikut:



| Perkataan                | Makna   |
|--------------------------|---|
| <i>Khail</i> (خَيْلٌ)    | sekumpulan kuda                                       |
| <i>Faras</i> (فَرَسٌ)    | seekor kuda (jantan atau betina)                      |
| <i>Hison</i> (حِصَانٌ)   | kuda jantan   |
| <i>Hajr</i> (حَجْرٌ)     | kuda betina   |
| <i>Mahr</i> (مَهْرٌ)     | anak kuda jantan                                      |
| <i>Mahrah</i> (مَهْرَةٌ) | anak kuda betina                                      |
| <i>Filw</i> (فِلْوُنْ)   | anak kuda jantan yang baru lepas daripada menyusu ibu |
| <i>Haikal</i> (هَيْكَلٌ) | kuda yang besar dan bertubuh tegap                    |
| <i>Matham</i> (مَطَّامٌ) | kuda yang sempurna dan baik                           |

#### 4.2 Bahasa Arab Mempunyai Kaedah Analisis Struktur Ayat (*i’rab*) yang Sempurna

Analisis ini digambarkan dalam bentuk perubahan baris-baris akhir perkataan hasil daripada perubahan struktur frasa atau fungsian perkataan itu sendiri. Perubahan-perubahan *i’rab* ini akan memberikan kesan kepada perubahan maksud perkataan dalam sesuatu susunan ayat. Analisis bahasa dan perubahan struktur frasa ini tidak terdapat dalam mana-mana bahasa di dunia.

Contohnya perkataan “*Muhammad*” seperti dalam struktur frasa tertentu boleh dibaca dengan *Muhammadun*, *Muhammadan* dan *Muhammadin* kerana berada dalam struktur dan pola ayat yang berbeza kedudukannya seperti dalam ayat ini:

- جَاءَ مُحَمَّدٌ : Muhammad telah datang  
رَأَيْتُ مُحَمَّدًا : Saya melihat Muhammad  
مَرَرْتُ بِمُحَمَّدٍ : Saya melalui Muhammad

Perkataan Muhammad dalam struktur frasa pertama dibaca *Muhammadun* dengan berbaris hadapan apabila perkataan ini berada dalam pola ayat nominatif (*marfu’*). Dalam struktur frasa kedua pula perkataan ini dibaca *Muhammadan* apabila berada dalam struktur frasa akusatif (*mansub*) dan dalam struktur frasa ketiga dibaca *Muhammadin* apabila berada dalam pola ayat genitif (*majrur*).<sup>11</sup>



Begitu juga dengan penggunaan kata nama yang berlainan jender seperti kata nama maskulin (*muzakkar*) dan feminin (*muannath*) serta penggunaan kata nama tunggal (*mufrad*), duaan (*muthanna*) dan ramai (*jam'*) dalam sesuatu struktur frasa boleh membawa kepada perubahan tanda bacaan, pembentukan kata dan sistem *i'rabnya*. Contohnya seperti dalam ayat ini:

الْتَّلَمِيْدُ يَذْهَبُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

- Pelajar (lelaki) itu pergi ke sekolah

الْتَّلَمِيْدَةُ تَذْهَبُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

- Pelajar (perempuan) itu pergi ke sekolah

الْتَّلَمِيْدَانِ يَذْهَبَا إِلَى الْمَدْرَسَةِ

- Dua orang pelajar (lelaki) itu pergi ke sekolah

الْتَّلَمِيْدَتَانِ تَذْهَبَانِ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

- Dua orang pelajar (perempuan) itu pergi ke sekolah

الْتَّلَمِيْدُونَ يَذْهَبُونَ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

- Pelajar-pelajar (lelaki) itu pergi ke sekolah

الْتَّلَمِيْدَاتُ يَذْهَبْنَ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

- Pelajar-pelajar (perempuan) itu pergi ke sekolah

Kalau diperhatikan kepada enam struktur frasa di atas, ertinya adalah sama iaitu membawa maksud “pelajar itu pergi ke sekolah”. Cuma disebabkan bilangan pelajar dan jantina yang berbeza antara struktur frasa tersebut menyebabkan berlaku beberapa perubahan dari sudut pembentukan kata, baris, tanda *i'rab* pada perkataan “pelajar” (mengikut bilangan dan jantina) dan kata kerja “pergi” sebagaimana dalam struktur frasa tersebut. Sedangkan dalam bahasa Melayu dan beberapa bahasa lain, kedua-dua perkataan itu tidak mengalami apa-apa perubahan.

Sementara mana-mana kata kerja yang digunakan juga akan mengalami perubahan sekiranya berlaku perbezaan masa kala lampau (*madhi*), kala kini atau kala depan (*mudhari*) dan imperatif (*amr*) dalam mana-mana struktur frasa. Contohnya seperti perkataan *zahaba* ذَهَبَ yang bererti “pergi” dalam situasi tersebut berbeza pembentukan kata, baris dan struktur *i'rabnya* antara satu dengan yang lain. Contohnya seperti berikut :

ذَهَبَ الْوَلَدُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

- Budak itu (telah) pergi ke sekolah

يَذْهَبُ الْوَلَدُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

- Budak itu (sedang) pergi ke sekolah

إِذْهَبْ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

- Pergi (lah kamu) ke sekolah.



### 4.3 Bahasa Arab Mempunyai Sistem Morfologi yang Unik

Bentuk-bentuk perkataan Arab sama ada dalam kata nama atau kata kerja akan berubah berdasarkan kepada satu sistem yang lengkap mengikut keadaan struktur frasa. Perubahan bentuk ini akan membawa kepada perubahan dari segi makna perkataan tersebut. Contohnya perkataan Arab mengandungi perbincangan mengenai *isytiqaq* iaitu perpecahan dan pembentukan perkataan pecahan atau sampingan dari satu kata dasar.<sup>12</sup>

Kata dasar *kataba* كَتَبَ boleh dipecahkan kepada beberapa variasi perkataan lain seperti *katibun*, *maktuban*, *kitabatan*, *maktabatun*:

كَاتِبٌ - مَكْتُوبًا - كِتَابَةً - مَكْتَبَةً<sup>13</sup>

dan lain-lain. Sistem ini telah digunakan oleh kebanyakan kamus Arab dalam pencarian makna perkataan yang mana setiap perkataan perlu dirujuk kepada asalnya terlebih dahulu sebelum dapat mencari perkataan dan makna yang dikehendaki. Dengan itu kebanyakan daripada kata nama atau kata kerja akan disusuli dengan imbuhan-imbuhan tertentu sama ada imbuhan satu huruf, dua huruf atau tiga huruf (*mazid biharf*, *biharfaini* atau *bi thalathati ahruf*) yang akan memberikan perubahan pada makna perkataan. Contohnya imbuhan *alif*, *ta'* dan *sin* pada perkataan asal *ghafara* غَفَرَ bermakna ampun akan menjadi *istaghfara* إِسْتَغْفَرَ (penambahan *alif*, *ta'* dan *sin*) yang membawa kepada makna "minta ampun" kerana imbuhan tersebut (*alif*, *ta'* dan *sin*) telah memberikan satu fonem yang mempunyai makna.

### 4.4 Bahasa Arab Adalah Bahasa Berdaya Tahan dan Ringkas (*ijaz*)

Kekuatan ini membolehkan bahasa Arab bertahan menghadapi segala halangan dan cabaran dan terus kekal hingga ke hari ini. Bahasa Arab banyak menggunakan ayat yang ringkas dan tepat dalam menunjukkan kepada sesuatu maksud. Ia boleh dilakukan dengan pelbagai cara dan teknik tertentu seperti membuang (*hazf*) beberapa perkataan dalam ayat-ayat tertentu tanpa mengubah maksud yang ingin disampaikan. Contohnya menghilangkan (*hazf*) perkataan sandaran (*mudhaf*) iaitu *ahli* dan mengekalkan *mudhaf* 'alaih seperti dalam Allah S.W.T:<sup>14</sup>

وَسَلِّلُ الْقَرِيَةَ الَّتِي كُنَّا فِيهَا

Terjemahannya: *dan bertanyalah kepada penduduk negeri (Mesir) yang kami telah tinggal padanya.*

Dalam ayat ini, perkataan penduduk (*ahli*) dibuang dan dikekalkan perkataan kampung (*qaryah*). Walau bagaimanapun, makna ayat tetap membawa makna



penduduk kampung atau dalam teks asalnya *ahla al-Qaryah*. Dalam al-Quran dan al-Hadith juga banyak mengandungi gaya bahasa perumpamaan dan perbandingan yang menjelaskan maksud ayat yang panjang berjela-jela hanya dengan menggunakan satu atau dua perkataan sahaja. Salah satu contoh yang boleh dikemukakan di sini ialah perumpamaan orang-orang Yahudi dengan keldai dalam al-Quran:<sup>15</sup>

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا النُّورَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْجِنَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا يُنَسَّ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ  
كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهِدِ الْأَقْرَبَ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٦﴾

Terjemahan: *Bandingan orang-orang Yahudi yang dipertanggungjawabkan dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungan dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya). Buruk sungguh bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah dan Allah tidak memberi hidayat petunjuk kepada kaum yang zalim.*

Sebenarnya apa yang ingin diceritakan dalam ayat ini adalah satu mesej yang begitu panjang sekali iaitu keadaan orang-orang Yahudi yang sentiasa membaca dan berbangga dengan kitab Taurat, tetapi disebabkan kedegilan dan kedunguan menyebabkan mereka tidak mengakui Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Rasul terakhir kepada umat manusia walaupun kitab Taurat menceritakannya satu persatu tentang Muhammad yang akan diutuskan oleh Allah.<sup>16</sup> Melalui ayat yang menyamakan orang-orang Yahudi dengan keldai ini telah dapat memberikan gambaran yang sebenar tentang sifat mereka tanpa perlu kita mengenali secara berdepan dengan mereka.

#### 4.5 Bahasa Arab Mempunyai Ungkapan yang Halus dan Teliti

Bahasa Arab mempunyai perkataan yang dapat memberikan makna yang paling tepat. Ketepatan perkataan ini memberikan maksud yang amat hampir dengan realiti semasa berlaku. Perkataan-perkataan ini sukar untuk diungkapkan dengan menggunakan bahasa-bahasa lain. Contohnya nama-nama masa sepanjang hari seperti perkataan-perkataan berikut:<sup>17</sup>

| Perkataan             | Makna   |
|-----------------------|---|
| <i>Dazur</i> دَزُورٌ  | Waktu mula-mula timbul matahari di waktu pagi         |
| <i>Buzugh</i> بُزُوغُ | Waktu mula timbul matahari selepas waktu <i>dazur</i> |
| <i>Dhuha</i> ضُحَىٰ   | Waktu mula terasa bahang panas matahari               |



|                           |   |
|---------------------------|---|
| <i>Ghazalah</i> غَازَلَةٌ | Waktu matahari mula naik selepas waktu <i>dhuha</i> |
| <i>Hajirah</i> هَاجِرَةٌ  | Waktu tengah hari yang mula terasa kepanasan        |
| <i>Dzuhur</i> ظُهُرٌ      | Waktu tengah hari matahari mulai menegak            |
| <i>Zawal</i> زَوْالٌ      | Waktu matahari berada tegak di atas kepala          |
| <i>'Asr</i> عَصْرٌ        | Waktu siang mula berakhir matahari kemerah-merahan  |
| <i>Asil</i> أَصِيلٌ       | Waktu matahari mulai condong ke arah barat          |
| <i>Sabub</i> صَبْوَبٌ     | Waktu matahari semakin menghilang                   |
| <i>Ghurub</i> غُرْبَبٌ    | Waktu matahari mula terbenam                        |
| <i>Khadur</i> خَدُورٌ     | Waktu matahari hilang dari pandangan atau gelap.    |

Satu lagi contoh keunikan bahasa Arab dalam menggambarkan makna perkataan ialah tentang suara-suara haiwan yang diungkapkan satu persatu dengan istilah yang khusus bagi setiap bentuk suara:

| Perkataan                  | Maksud   |
|----------------------------|--|
| <i>Sahil</i> صَهْيلٌ       | Suara kebiasaan kuda mendempik                   |
| <i>Hamhamah</i> حَمْحَمَةٌ | Suara kuda mendengus                             |
| <i>Syahij</i> شَحِيجٌ      | Suara baghal                                     |
| <i>Rugha'</i> رَغَاعَةٌ    | Suara kebiasaan unta                             |
| <i>Hanin</i> حَنِينٌ       | Suara unta memanggil anaknya                     |
| <i>Anin</i> أَنِينٌ        | Suara unta menahan bebanan yang dibawa           |
| <i>Hadir</i> هَدِيرٌ       | Suara unta bernafas (bunyi nafas keluar masuk)   |
| <i>Sorif</i> صَرِيفٌ       | Suara geseran gigi unta                          |
| <i>Khuar</i> خُوازٌ        | Suara lembu                                      |
| <i>Ma'mah</i> مَأْمَأَةٌ   | Suara kambing mengembek                          |
| <i>Yuar</i> يُعَازِّ       | Suara kibas mengembek                            |
| <i>Thugha'</i> ثَغَاعَةٌ   | Suara biri-biri mengembek                        |
| <i>Za'ir</i> زَعِيرٌ       | Suara singa mengaum                              |
| <i>Zamjarah</i> زَمْجَرَةٌ | Suara singa mendengus secara berulang-ulang kali |



|                              |  |
|------------------------------|--|
| <i>Tazamjar</i> تَزْمَجِرٌ   | Suara harimau mengaum                  |
| <i>Kharkhawah</i> خَرْخَوَةٌ | Suara harimau mendengkur ketika tidur  |
| <i>'Uwa'</i> عُوَاءٌ         | Suara serigala menyalak memanjang      |
| <i>Nahim</i> نَحِيمٌ         | Suara harimau kumbang                  |
| <i>Quba'</i> قُبَّاءٌ        | Suara khinzir (babu)                   |
| <i>Dhuba'</i> ضُبَّاعٌ       | Suara musang                           |
| <i>Nubah</i> نُبَاحٌ         | Suara anjing menyalak                  |
| <i>Muwa'</i> مُوَاءٌ         | Suara kucing mengiau                   |
| <i>Kharkharah</i> خَرْخَرَةٌ | Suara kucing mendengkur ketika tidur   |
| <i>Ghas</i> غَشٌّ            | Suara kucing mengerang kerana sakit    |
| <i>Nahiq</i> نَهِيقٌ         | Suara keldai                           |
| <i>Bugham</i> بُغَامٌ        | Suara kijang                           |
| <i>Nazab</i> نَزَابٌ         | Suara khusus bagi kijang jantan sahaja |
| <i>Irar</i> عِرَارٌ          | Suara burung unta jantan               |
| <i>Zimar</i> زِمَارٌ         | Suara burung unta betina               |
| <i>Fahih</i> فَحِيْحٌ        | Suara dhab sahaja                      |
| <i>Kasyissy</i> كَشِيشٌ      | Suara dhab atau juga biawak            |
| <i>Naqiq</i> نَقِيقٌ         | Suara jengking                         |
| <i>Hadir</i> هَدِيرٌ         | Suara merpati                          |
| <i>Karkarah</i> كَرْكَرَةٌ   | Suara ayam (jantan atau betina)        |
| <i>Sada</i> صَدَىٰ           | Suara burung hantu                     |
| <i>Hudhudah</i> هُدْهُدَةٌ   | Suara burung belatuk                   |
| <i>Dandanah</i> دَنْدَنَةٌ   | Suara lebah.                           |

Ternyata daripada istilah-istilah tersebut tampak jelas bahawa bahasa Arab adalah satu bahasa yang mementingkan kehalusan dan ketepatan dalam memberi sesuatu maksud yang dikehendaki. Kebanyakan bentuk suara haiwan ini tidak akan dapat diungkap dengan sebaik-baiknya jika menggunakan bahasa lain.



## 5.0 PERANAN BAHASA ARAB DALAM PENENTUAN HUKUM

Ketepatan menentukan hukum adalah berdasarkan kepada sumber-sumber perundangan Islam yang asal seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias.<sup>18</sup> Penetapan hukum ini juga berasaskan kaedah yang digunakan oleh para mujtahid dalam menghasilkan sesuatu hukum syarak. Para mujtahid amat mengambil berat tentang bahasa Arab kerana sumber hukum diambil dari sumber-sumber berbahasa Arab seperti al-Quran dan as-Sunnah. Jadi, pengetahuan yang mendalam dalam bahasa Arab merupakan syarat utama bagi para mujtahid untuk menghurai dan mentafsir sesuatu masalah yang berkaitan dengan hukum.

Antara contoh yang jelas dapat diperhatikan ialah penggunaan kata kerja imperatif (*amr*) yang menunjukkan kepada hukum wajib. Allah S.W.T. berfirman dalam al-Quran:<sup>19</sup>

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَأْتُوا الزَّكُوَةَ

Terjemahannya: *dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat.*

Ayat ini menunjukkan kepada suruhan mengerjakan solat dan mengeluarkan zakat. Begitu juga dengan penggunaan kata kerja larangan (*nahy*) yang menunjukkan kepada hukum larang atau haram. Allah S.W.T. berfirman dalam surah lain:<sup>20</sup>

وَلَا نَقْرِبُوا الْرِّجَنَاتِ

Terjemahannya: *dan janganlah kamu menghampiri zina.*

Ayat ini menunjukkan tegahan dan larangan yang membawa kepada hukum haram perbuatan zina dan juga melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada perbuatan zina.

Pengkajian dalam bahasa adalah unsur penting dalam menghasilkan kefahaman yang jelas dan tepat mengenai sesuatu hukum. Dengan itu, asas-asas pengkajian bahasa seperti *musyarak* (sinonim), *mutadha'* (akronim), makna-makna kata sendi dan nama-nama *syar'iyyah* merupakan “alat” utama yang digunakan oleh para ulama mujtahid dalam penentuan sesuatu hukum. Malik dan Syafi'i bersepakat dalam memberikan ulasan terhadap firman Allah S.W.T.:<sup>21</sup>

Terjemahannya: *Tidakkah kamu lihat bahawa semua yang berada di langit dan di bumi sujud kepada Allah.*

Perkataan *yasjudu* (dia sujud) boleh digunakan dalam kedua-dua keadaan sama ada sujud dengan cara meletakkan dahi ke permukaan bumi atau dengan makna tunduk dan patuh. Tetapi Hanafi pula berpendapat sujud di sini hanya membawa makna tunduk dan patuh sahaja.



Begitu juga dengan fungsi dan penguraian makna yang tepat bagi setiap partikel sendi (*huruf*) seperti pemahaman ayat wuduk dalam firman Allah:<sup>22</sup>

...وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ

Terjemahannya : ... *dan sapulah dengan kepala-kepala kamu ....*

Syafi'i berpendapat maksud partikel sendi (*jarr*) *ba'* dalam ayat adalah untuk menerangkan tentang keadaan *tab'ih* (separuh) yang membawa maksud sebahagian. Dengan kata lain, sapu yang dikehendaki dalam ayat ini hanya sebahagian daripada kepala. Mengikut pentafsiran makna ini, mazhab Syafi'i hanya menentukan sapu sedikit sahaja daripada bahagian kepala dengan air (tidak diterangkan kadar "sedikit") sebagai salah satu syarat sah wuduk. Malik berpendapat bahawa partikel sendi (*jarr*) *ba'* dalam ayat menerangkan tentang *zaidah li at-ta'kid* (penambahan) yang memberi makna seluruh. Dengan itu, beliau meletakkan syarat menyapu keseluruhan kepala dengan air semasa berwuduk sebagai satu perkara yang mestilah dilakukan. Abu Hanifah pula dalam memberi ulasan mengenai ayat ini menyatakan bahawa partikel sendi (*jarr*) *ba'* dalam ayat meletakkan makna *lil-lisaq* (sampai atau lekat) iaitu memberi makna menyampaikan sesuatu kepada sesuatu. Dengan pentafsiran ini, maka kepala mestilah disapu keseluruhannya dengan air.

Antara perbincangan dan perbahasan para mujtahid juga ialah penggunaan partikel sendi atau huruf *waw* (و) <sup>23</sup> dalam sesuatu ayat. Contohnya penggunaan partikel sendi *waw* bagi menunjukkan makna tertib. Abu Hanifah dan Syafi'i bersepakat dalam memberi makna *waw* kepada tertib, sementara yang lain tidak bersetuju. Mereka bersetuju memberi makna partikel *waw* kepada tertib berdasarkan beberapa hujah. Antaranya ialah dalil daripada firman Allah S.W.T.:<sup>24</sup>

﴿إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَابِ اللَّهِ﴾

Terjemahannya: *Sesungguhnya Safa dan Marwah itu ialah sebahagian dari syiar (lambang) agama Allah.*

Mereka menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri memahami cara melakukan ibadat ini dengan makna tertib apabila ditanya tentang mana yang patut dimulakan dahulu sama ada Safa atau Marwah. Rasulullah s.a.w. menjawab: *mulakan dengan apa yang dimulakan oleh Allah.*<sup>25</sup>

Berdasarkan kepada kefahaman partikel sendi *waw* untuk makna tertib, Syafi'i menegaskan ketertiban anggota wuduk sebagaimana dalam al-Quran:<sup>26</sup>

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قَمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ  
وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ



Terjemahannya: *Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang, maka basuhlah muka kamu dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali.*

Dalam ayat ini, Allah S.W.T. meletakkan anggota-anggota yang perlu disapu sahaja dengan air (iaitu kepala) di antara anggota-anggota yang dibasuh (iaitu muka, lengan dan kaki) bagi menunjukkan ketertibannya. Kalau digabungkan sekali ayat membasuh kaki selepas sahaja daripada membasuh tangan, nescaya ketertiban anggota wuduk akan berubah menjadikan bahagian menyapu kepala berada pada tertib terakhir anggota wuduk.

Abu Hanifah memahami partikel sendi *waw* untuk makna tertib terhadap hukum seorang suami yang menceraikan isterinya dengan kata-kata: *sekiranya kamu masuk ke dalam rumah, maka kamu tertalak dan tertalak dan tertalak*. Talaknya hanya jatuh satu talak sahaja berdasarkan partikel *waw* (dan) yang digunakan memberi makna tertib. Sekiranya partikel *waw* tersebut memberi makna *ma'iyyah* (bersama), nescaya isteri tersebut akan tertalak dengan tiga kali talak secara serentak.

Kebanyakan ahli bahasa dan ulama mujtahid tidak bersetuju dengan pandangan yang mengatakan partikel sendi *waw* untuk makna tertib dan menegaskan bahawa partikel ini lebih tepat kepada makna pengumpulan (*mutlaq al-jami'*). Kebanyakan sarjana dalam bidang bahasa seperti Sibawaih, Kasai'i, Sirafi, Farisi dan Suhaili juga menegaskan bahawa partikel sendi *waw* untuk makna pengumpulan. Sebagai contoh terdekat yang dikemukakan ialah maksud ungkapan Arab yang menggunakan partikel *waw* untuk makna kumpul iaitu:

لَا تَأْكُلَ السَّمَكَ وَتَشْرِبَ الْلَّبَنَ

Maksudnya: *jangan kamu makan ikan dan minum susu.*

Mereka berhujah dengan menyatakan bahawa perkataan *tasyraba* (شرب) dinasabkan (dengan menggunakan baris atas pada huruf *ba'*) kerana perkataan ini berada selepas daripada partikel *waw ma'iyyah* yang didahului dengan larangan (*nahy*). Maksud ungkapan ini memperlihatkan larangan mencampurkan perbuatan memakan ikan dan meminum susu. Partikel sendi *waw* dalam ayat pada zahirnya memberi makna *ma'iyyah*, tetapi pada hakikatnya untuk di'ataskan (sendi) kepada *masdar* (kata terbitan) yang berada selepas daripada huruf *waw*. Maka maksud sebenar ungkapan ini ialah: *Jangan kamu mencampurkan antara makan ikan dengan minum susu.* Maksud larangan di sini ialah larangan mencampurkan kedua-dua jenis makanan dan minuman tersebut dan dimakan dalam satu waktu.<sup>27</sup>

Jelas betapa besar peranan yang dimainkan oleh bahasa Arab dalam memberikan makna yang tepat dengan kehendak asalnya. Sedikit sahaja perbezaan dalam memberikan makna sesuatu istilah, maka penentuan hukum juga akan berubah. Maka



wajarlah, pendapat para ulama *mufassirin* (ahli-ahli pentafsir) yang meletak pra-syarat terhadap mana-mana individu yang ingin mentafsir ayat-ayat al-Quran mestilah seorang yang berpengetahuan dan mahir dalam bahasa Arab.

## 6.0 PENUTUP

Berdasarkan kepada beberapa aspek yang dijelaskan, ternyata bahawa bahasa Arab adalah bahasa yang mempunyai elemen-elemen yang amat unik dan istimewa. Bahasa ini adalah bahasa ilmu, peradaban, ketamadunan dan keintelektualan sejak dari dulu hingga kini. Tidak hairanlah Allah S.W.T. telah meletakkannya pada *maqam* tertinggi sebagai bahasa al-Quran. Keunikan dan keistimewaan yang dibincangkan dalam artikel ini hanyalah sebahagian kecil yang sempat dibincangkan. Masih banyak aspek keunikan dan keistimewaan lain yang boleh ditonjolkan kepada umum melalui ruang yang lebih luas lagi.

Pengkajian dan penyelidikan terhadap bahasa ini juga masih perlu dilakukan bagi membongkar lebih banyak lagi ciri-ciri keistimewaannya. Keutuhan gaya bahasa al-Quran tidak dapat dicabar oleh mana-mana pihak hingga dapat memperkuat kedudukannya sebagai bahasa yang eksklusif dan berprestij tinggi. Keunggulan ini telah menepati rasional pemilihannya sebagai bahasa al-Quran, bahasa wahyu dan bahasa ahli syurga.

## NOTA AKHIR

- 1 Mustapha Hj. Daud, hlm. 29, dirujuk daripada Joseph H.Greenberg “*Languages of the World*” dalam Encyclopedia Americana, Jld. 16, hlm. 731.
- 2 Ali Abdul Wahid Wafi, hlm. 110. Teori ini dikemukakan oleh Schlegel dan sebahagian besar sarjana bahasa.
- 3 Ibid, hlm. 196. Pembahagian ini dikenali dengan teori Max Muler.
- 4 Ibrahim Muhammad Naja, hlm. 29. Pembahagian ini berasaskan kepada anak-anak Nabi Nuh a.s.
- 5 Ibid, hlm. 29-33.
- 6 Ibid, hlm. 40.
- 7 Surah al-Zukhruf ayat 3. Salah satu ayat yang menerangkan bahawa al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Terdapat beberapa ayat lagi yang menerangkan tentang fakta ini seperti surah Yusuf ayat 2, Taha ayat 113, al-Zumar ayat 28, Fussilat ayat 3, al-Syura ayat 7 dan al-Ra’d ayat 37.
- 8 Mustapha Hj. Daud, hlm. 58-59.
- 9 Al-Mu’jam Al-Wasit, hlm. 664.
- 10 Ibrahim Muhammad Naja, hlm. 112-113.
- 11 Dalam nahu bahasa Arab bab ini adalah perkara asas dalam *i’rab* kata nama yang terdiri daripada tiga hukum utama bagi *isim* iaitu *raf ‘u*, *nasb* dan *jarr*, sementara bagi kata kerja atau *fi ‘il* terbahagi kepada *raf ‘u*, *nasb* dan *jazm*.
- 12 Osman Khalid, hlm. 53.
- 13 Dalam ilmu *sarf* bahasa Arab, beberapa variasi perkataan lagi dapat dibentuk daripada perkataan ini, cuma empat perkataan yang dikemukakan ini sebagai contoh sahaja.
- 14 Surah Yusuf ayat 82. Dalam pengajian ilmu retorik Arab atau *al-Balaghah*, gaya bahasa ini termasuk dalam bab *al-Majaz al-Mursal* yang membawa kepada ‘*alaqat makaniyah*’.
- 15 Surah al-Jumuah ayat 5. Ahli-ahli *al-Balaghah* Arab banyak memperkatakan tentang ayat ini yang tergolong dalam bab *al-Tamthil*. Titik persamaan (*wajh al-Syabah*) yang terdapat dalam *tamthil* ini menceritakan bagaimana sifat-sifat yang terdapat pada keldai dapat disamakan dengan perangai orang-orang Yahudi.



- <sup>16</sup> Rujuk surah al-Saf ayat 6 yang menceritakan tentang perkara ini dalam kitab Taurat.
- <sup>17</sup> Ibrahim Muhammad Naja, hlm. 191.
- <sup>18</sup> Ini adalah empat asas dalam perundangan Islam. Dalam ilmu Usul al-Fiqh terdapat beberapa sumber lagi dinyatakan selain seperti *iijihad, istihsan, masaleh al-Mursalah* dan lain-lain.
- <sup>19</sup> Surah al-Muzammil ayat 20. Ayat perintah kewajipan solat dan zakat.
- <sup>20</sup> Surah al-Isra' ayat 32. Ayat pengharaman zina dan perkara-perkara yang membawa kepada perbuatan tersebut.
- <sup>21</sup> Surah al-Hajj ayat 49. Perbahasan ialah mengenai makna perkataan sujud dalam ayat ini.
- <sup>22</sup> Surah al-Maidah ayat 6. Sebahagian ayat tentang cara mengambil wuduk.
- <sup>23</sup> Partikel sendi *waw* dalam bahasa Arab adalah kata sendi yang membawa makna *al-'atf* "dan" secara umumnya, tetapi *waw* dibahagikan kepada beberapa bentuk seperti *waw al-Musahabah, al-Ma'iyyah, al-Tartib* dan lain-lain yang memberikan makna berbeza hingga dapat mencorakkan maksud struktur ayat.
- <sup>24</sup> Surah al-Baqarah ayat 158.
- <sup>25</sup> Antara rukun yang mesti dilakukan oleh orang-orang yang melakukan ibadat umrah atau haji ialah berlari anak dari Bukit Safa' ke Bukit Marwah.
- <sup>26</sup> Surah al-Maidah ayat 6. Ayat perintah mengambil wuduk sebelum menunaikan solat.
- <sup>27</sup> Ibrahim Muhammad Naja, hlm. 10.

## RUJUKAN

- Abdullah bin Muhammad Basmeih. 1996. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Mu'jam al-Wasit*. 1972. Kaherah: Majma' Lughah al-Arabiyyah.
- Ali Abdul Wahid Wafi. *Ilmu al-Lughah*. Kaherah: Dar al-Nahdhah Masr.
- Ibrahim Muhammad Naja. 1975. *Fiqh al-Lughah al-Arabiyyah*. Kaherah: Dar al-'Ahdi al-Hadid.
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mustapha Hj. Daud. 1996. *Bahasa Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Osman Hj. Khalid. 1994. Pengaruh Bahasa Arab Dalam Memperteguh Dan Memperkaya Bahasa Melayu Suatu Pengamatan. Dalam Muhammad Bukhari Lubis, *Persuratan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.